

**TEKS UCAPAN
PERASMIAN**

**YBHG. PROFESOR DR MOHAMAD HARIRI
HAJI ABDULLAH**

**TIMBALAN NAIB CANSELOR
(JARINGAN INDUSTRI,
KOMUNITI & ALUMNI)**

Sempena

**SAMBUTAN HARI ARKIB
ANTARABANGSA PERINGKAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 2023**

9 JUN 2023

**JABATAN ARKIB UNIVERSITI
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM SHAH ALAM**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Malaysia MADANI**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas limpah kurnia-Nya serta kesempatan dan ruang yang diberikan, dapat kita bersama-sama berkumpul pagi ini sempena **Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat Universiti Teknologi MARA.**

2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam, atas penganjuran sambutan ini. Bagi saya **Sambutan Hari Arkib Antarabangsa** sebegini amat signifikan kepada seluruh warga dan pihak luar untuk mengenali dengan lebih dekat salah satu organisasi penting dalam universiti.

Para hadirin yang dihormati,

3. Tidak dinafikan, peranan arkib di universiti amat besar dalam memastikan dokumen dan rekod yang mempunyai nilai atau sejarah yang berkaitan dengan Universiti disimpan kekal bagi tujuan rujukan, pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Jabatan Arkib Universiti turut bertanggungjawab dalam melaksana dan menjalankan tugas berkaitan

dengan perolehan, pemprosesan, penyimpanan, pemeliharaan, pemuliharaan dan penyediaan akses kepada koleksi arkib Universiti.

4. Atas sebab yang kukuh ini juga, **Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-176, pada 18 November 2020 telah meluluskan Pemakaian Dasar Pengurusan Rekod UiTM** dengan penetapan penyerahan **13 rekod penting universiti** antaranya **Pekeliling Utama UiTM, Dasar, Polisi, Panduan Dan Perundangan UiTM, Pengiktirafan dan Akreditasi, Mesyuarat-Mesyuarat Utama UiTM, Fail Peribadi Staf dan Pelajar, Gambar dan Video bersejarah serta beberapa dokumen yang mempunyai nilai terhadap universiti**. Penyerahan rekod-rekod yang telah digariskan ini perlu dipandang serius demi memastikan dokumen tersebut disimpan, dipelihara dan dipulihara dengan baik untuk rujukan masa hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Objektif utama **Hari Arkib Antarabangsa** peringkat UiTM ini dijalankan adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran di kalangan pengurusan kanan universiti tentang faedah pengurusan rekod untuk tadbir urus dan pembangunan yang baik.
- Meningkatkan pemahaman warga UiTM tentang keperluan pemeliharaan dan akses arkib jangka panjang
- Mempamerkan dokumen unik, luar biasa dan jarang dijumpai yang tersimpan di arkib universiti dan
- Memajukan imej rekod dan arkib untuk meningkatkan ketampakan di peringkat kebangsaan dan global.

6. Saya menyeru kepada semua **rektor** dan **ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UiTM** ini untuk memberikan perhatian terhadap pengurusan Arkib ini dengan menyerahkan dokumen dan rekod yang telah ditetapkan. Justeru itu, ayuh bersama kita mengangkat kepentingan arkib dengan memberi sokongan dan dokongan terhadap segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan.

7. Diharapkan Sambutan Hari Arkib Antarabangsa ini dapat dijadikan acara tahunan bagi memastikan institusi arkib kekal relevan dalam memelihara dan memulihara memori institusi pada masa akan datang.

Hadirin Sekalian,

8. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Saya yakin dengan usaha dan komitmen yang telah diberikan, jabatan arkib UiTM akan terus cemerlang dan berada di tahap yang lebih tinggi dan dihormati.

9. Dengan lafaz *Bismillahirahmanirahim*, saya dengan ini merasmikan
**SAMBUTAN HARI ARKIB ANTARABANGSA PERINGKAT UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA.**

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah
Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh